

**PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DALAM SISTEM INSURANS ISLAM
(TAKAFUL): ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA PANDANGAN ULAMA
SILAM DAN ULAMA SEMASA**

Mohd. Faisal Mohamed¹
Noor Syahida Abdul Rahman²

ABSTRAK

Kemunculan sistem Insurans Islam atau Takaful dewasa kini adalah hasil pengaplikasian prinsip-prinsip Syariah yang bersesuaian dengan terma-terma pengoperasiannya. Prinsip-prinsip Syariah tersebut sudah semestinya berasaskan hukum-hukum yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun begitu, ulama-ulama silam dilihat tidak memperkatakan secara khusus mengenai terma-terma sistem insuran Islam lantaran ia adalah sesuatu yang baru dan tidak wujud pada zaman silam. Tetapi, secara asasnya, prinsip-prinsip yang diaplikasikan dalam sistem insurans Islam telah pun dikemukakan oleh kebanyakan ulama-ulama silam dalam karya-karya 'turath'. Justeru, pemikiran ulama-ulama silam mengenai prinsip-prinsip Fiqh Muamalah dilihat masih relevan untuk dijadikan sandaran dalam proses mewujudkan instrumen-instrumen kewangan Islam yang baru khususnya produk insurans Islam yang terkini. Sementara itu, perbincangan mengenai sistem insurans Islam secara spesifik muncul hasil kreativiti pemikiran ulama-ulama semasa dalam mengaplikasikan prinsip-prinsip Syariah yang sesuai bagi mewujudkan instrumen kewangan tersebut. Namun, prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan oleh ulama-ulama semasa dilihat mempunyai perubahan dan perbezaan dengan prinsip-prinsip Fiqh Muamalah yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama silam walaupun mempunyai kerangka asas yang sama. Perubahan tersebut adalah disebabkan penambahan beberapa elemen yang baru dan pengubahsuaian struktur prinsip-prinsip tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat perbezaan prinsip-prinsip syariah yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama

¹ Pensyarah di Pusat Pengajian Teras (PPT) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Malaysia, faisalmohd1981@yahoo.com.

² Pensyarah di Jabatan Syariah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Malaysia, syahida@kuis.edu.my.

silam dengan prinsip-prinsip Syariah yang diaplikasikan oleh ulama-ulama semasa dalam operasi insurans Islam.

ABSTRACT

The emergence of Islamic Insurance System or Takaful is a result of the application of Syariah principles which suit its operational terms. These Syariah principles are undoubtedly derived from the rulings made by the jurists based on the Quran and the Sunnah. Having said that, it is noted that the traditional jurists have not discussed the terms of Islamic insurance system in detail since it was not yet in existence. It is a relatively new concept which emerges later in time. Nevertheless, the Syariah principles as applied in the Islamic insurance system nowadays have been, in principles, discussed by the traditional jurists in their writings or manuscripts referred to as 'turath' (or antique) books. Hence, their opinions on the relevant Syariah principles relating to Fiqh Muamalat are still very much relevant when it comes to the process of creating new Islamic financial instruments, namely the products of Islamic insurance. Based on the Syariah principles as discussed by the traditional jurists, the contemporary jurists have later discussed specifically on the Islamic insurance system, resorting to their own creativity and ijtihad. Apparently, this is how this new financial instrument has come into existence. However, although the principles referred to by the jurists appear to be the same, there seems to be a slight divergence and differences in the principles of Fiqh Muamalat as applied by the contemporary jurists with what had been discussed by the traditional jurists. The divergence is believed to be as a result of newly added elements in insurance and consequently the structural adaptation of those Syariah principles. Therefore, the objective of this study is to look into the divergence, differences and discrepancies in the relevant applicable Syariah principles of Fiqh Muamalah as discussed by the traditional jurists and those applied by the contemporary jurists in the operation of Islamic insurance.

Pendahuluan

Insurans adalah merupakan perjanjian yang menyebabkan penginsurans membayar kepada pihak yang diinsuranskan sejumlah bayaran wang atau gantian lain yang mempunyai nilai kewangan sama ada dalam bentuk wang tunai ataupun dalam bentuk manfaat dan faedah lain apabila berlaku sesuatu

bencana ke atas orang yang diinsuranskan sesuai dengan persetujuan yang telah dinyatakan dalam perjanjian. Bayaran yang dibuat itu merupakan balasan kepada wang yang telah dibayar oleh pihak yang diinsuranskan kepada pihak penginsurans mengikut cara dan kaedah yang telah disebutkan dalam perjanjian awal yang dipersetujui bersama.³

Sistem Insurans Islam dikenali sebagai Takaful. Ia berasaskan sistem yang telah wujud sejak zaman awal perkembangan Islam dan diiktiraf oleh Rasulullah s.a.w. iaitu sistem 'Aqilah. Berdasarkan sistem ini, seseorang yang ditimpa musibah atau denda disebabkan hukuman-hukuman tertentu akan dibantu oleh ahli-ahli tertentu di kalangan mereka yang telah bersetuju dan menyanggupi untuk berbuat demikian. Ia adalah merupakan lanjutan kepada konsep tolong-menolong dan saling bertanggungjawab antara satu sama lain.⁴ Selain itu sistem perlindungan insurans telah giat berkembang dan diamalkan apabila bangsa Arab komited melakukan aktiviti perdagangan ke seluruh dunia khusus ke wilayah India, Asia Tenggara, China dan lain-lain lagi. Ini disebabkan perjalanan jauh dan berisiko yang perlu mereka tempuhi memerlukan sokongan daripada pihak-pihak tertentu yang sanggup untuk berbuat demikian bagi meminimumkan kerugian yang ditanggung jika berlaku sesuatu musibah.⁵

Dalam konteks sistem kewangan moden, syarikat takaful pertama ditubuhkan di Sudan pada tahun 1979. Pada tahun yang sama juga, Syarikat Insurans Arab ditubuhkan dan beroperasi berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Ini disusuli pula dengan penubuhan Dar al-Mal al-Islami di Geneva pada tahun 1981 yang turut menyediakan perkhidmatan insurans berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Setelah itu, seperti mana bank-bank Islam, perkembangan sistem insurans Islam turut berkembang pesat dengan penubuhan beberapa lagi syarikat takaful seperti Syarikat Takaful Islam Luxemburg pada tahun 1983, Syarikat Takaful Islam Bahrain pada tahun yang sama dan lain-lain lagi. Apa yang menarik untuk dianalisis dan diperhatikan, sistem insurans Islam bukan sahaja berkembang di negara-negara Islam bahkan turut diterima

³ Prof. Dr. Sudin Haron (2007), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.,h. 377. Asmak Ab. Rahman (2008), *Sistem Takaful di Malaysia : Isu-Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, Bab 6.

⁴ *Ibid.*, h. 385.

⁵ *Ibid.*

sebagai satu sistem insurans alternatif sehinggakan Amerika Syarikat turut meluluskan penubuhan syarikat takaful yang pertama dengan nama First Takaful USA. Sehingga kini begitu banyak syarikat insurans Islam telah wujud di seluruh dunia.⁶

Syarikat insurans yang beroperasi menurut prinsip-prinsip Syariah mula beroperasi di Malaysia ialah Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd. Ia beroperasi pada tahun 1985 setelah kerajaan Malaysia meluluskan Akta Takaful 1984. Namun, disebabkan sambutan yang menggalakkan kerajaan Malaysia meluluskan lagi penubuhan beberapa syarikat takaful seperti Takaful Nasional Sdn Bhd, Mayban Takaful Berhad, Takaful Ikhlas Sdn Bhd dan lain-lain lagi setelah 10 tahun berada dalam status monopoli dari satu-satunya syarikat takaful yang wujud. Dalam mendepani cabaran, kerajaan Malaysia telah mempertanggungjawabkan kepada Bank Negara untuk menggariskan strategi untuk memperluaskan lagi perkembangan industri insurans berteraskan Islam. Dengan itu beberapa strategi telah digariskan, diantaranya menambah bilangan pengendali takaful dan memperbaiki rangka kerja pengawalseliaan bagi takaful.⁷

Dalam pengendalian sistem takaful di Malaysia, secara umumnya syarikat takaful menyediakan dua jenis perlindungan takaful iaitu Takaful Am dan Takaful Keluarga. Takaful Am adalah merupakan sejenis perlindungan takaful yang dikhususkan kepada harta benda dan aset dengan menyediakan suatu kumpulan wang yang disumbangkan oleh orang ramai yang menyertai skim ini. Kumpulan wang ini akan digunakan untuk membayar ganti rugi dan pampasan kepada peserta-peserta yang aset-aset dan barangan mereka yang telah dipersetujui untuk dilindungi ditimpa sesuatu kerosakan, kemalangan, kehilangan, kemusnahan dan sebagainya. Wang telah dikumpulkan akan dimobilisasikan melalui pelaburan-pelaburan yang mendatangkan keuntungan serta menepati prinsip-prinsip Syariah. Takaful Am boleh juga dikategorikan kepada lima kelas berdasarkan bencana-bencana yang dilindungi iaitu kebakaran, kerosakan kenderaan, kemalangan, bencana laut/udara dan bencana kejuruteraan.⁸

Takaful Keluarga pula merupakan skim perlindungan yang dikhususkan kepada individu dengan beberapa matlamat. Pertama peserta kebiasaannya

⁶ *Ibid.*, h. 386.

⁷ *Ibid.*, h. 386-389.

⁸ Dr. Ab. Mumin bin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 343.

mahu menyediakan perlindungan kewangan kepada warisnya sekiranya mereka meninggal dunia pada waktu yang lebih awal daripada apa yang dijangkakan, kedua ia dijadikan satu kaedah menabung untuk persediaan dan kegunaan menghadapi hari tua dan ketiga ia dijadikan persediaan awal seandainya berlaku kemalangan yang menyebabkannya hilang keupayaan seumur hidup atau jangka masa panjang dan kecacatan yang kekal serta penyakit yang berpanjangan. Maka skim perlindungan terhadap perkara-perkara tersebut dijalankan oleh pengendali dengan mewujudkan suatu skim permuafakatan dalam bentuk kumpulan wang antara sekelompok manusia untuk saling tolong-menolong dan tampung-menampung sekiranya terjadi musibah di kalangan peserta-peserta tersebut. Dana tersebut akan dimobilisasikan oleh pengendali dalam sektor-sektor pelaburan yang berlandaskan Islam dan berpotensi untuk memberi pulangan yang baik.⁹

Konsep Umum Mengenai Prinsip Syariah Yang Diaplikasikan Dalam Insurans Konvensional Dan Takaful

Secara umumnya, kontrak-kontrak yang terdapat dalam perbahasan Fiqh Muamalah dapat diklasifikasikan kepada beberapa kategori. Dalam memperkatakan mengenai kontrak-kontrak yang melibatkan pemilikan atau dikenali sebagai Tamlikat, ia dapat dikategori kepada dua bahagian. Pertama bahagian yang dikategorikan sebagai akad mu'awadah iaitu akad pertukaran seperti kontrak jual-beli dan kedua bahagian yang dikategorikan sebagai akad tabarru' iaitu derma kebajikan seperti kontrak hibah dan wakaf.¹⁰ Ulama-ulama silam telah mengemukakan pemikiran beliau mengenai ekonomi yang turut melibatkan kedua-dua kategori akad yang terkandung dalam kontrak-kontrak yang melibatkan pemilikan atau tamlikat. Justeru, didapati sesetengah kontrak berada dalam kelas mu'awadah seperti al-Bay' dan al-ijarah dan sesetengah kontrak berada dalam kelas tabarru' seperti al-hibah dan al-waqf. Sekiranya diperhalusi sifat dan ciri-ciri yang terdapat dalam kontrak insurans konvensional adalah merupakan ciri-ciri dan sifat bagi kontrak mu'awadah sekaligus menyebabkan ia dikira sebagai kontrak jual beli. Seperti mana yang difahami, kontrak jual beli melibatkan tiga rukun iaitu pihak yang berakad (penjual dan pembeli), barang dan harga yang diakadkan serta sighthah (tawaran dan penerimaan). Ketiga-tiga rukun ini mempunyai syarat-syarat tertentu yang telah digariskan oleh Syariah. Justeru, dalam konteks kontrak

⁹ Prof. Dr. Sudin Haron (2007), *op.cit.*, h. 406.

¹⁰ Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*. Selangor : True Wealth Sdn. Bhd., h. 14.

mu'awadah bagi insurans konvensional, syarikat insurans adalah merupakan penjual, pencarum adalah merupakan pembeli, barangan yang dijual ialah jaminan kewangan dan harga ialah sesuatu yang perlu dibayar untuk proses caruman tersebut.¹¹ Jika dianalisis ia adalah merupakan proses jual beli wang dengan wang kerana barangan yang dijual dan harga adalah berbentuk wang. Justeru menurut ulama-ulama silam ini adalah kontrak barangan ribawi yang perlu memenuhi dua syarat seperti mana yang telah dinyatakan oleh al-Mahalli:

“Dan matawang iaitu matawang emas dan perak yang ditempa atau tidak ditempa yang ditukarkan dengan matawang hukumnya adalah seperti pertukaran makanan dengan makanan, maka jika diurusniagakan dengan jenisnya seperti pertukaran emas dengan emas atau perak dengan perak disyaratkan bersamaan kuantiti dan tidak disebutkan dalam kontrak bahawa ia adalah urusaniaga yang membabitkan penangguhan dan serah terima dalam majlis tersebut sebelum berpisah...”¹²

Namun dalam realiti implimentasinya, syarat-syarat tersebut tidak mungkin dipenuhi kerana pencarum sudah tentu mengharapkan jaminan kewangan yang lebih tinggi daripada harga yang telah dibayar jika berlaku musibah dan penyerahan jaminan kewangan tersebut tertanggung kepada suatu masa yang akan datang sekiranya berlaku musibah pada masa tersebut. Justeru, ternyata bahawa kontrak insurans konvensional yang bercirikan akad mu'awadah tidak memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan.

Berbeza dengan kontrak takaful yang bercirikan akad tabarru', kontrak ini tidak perlu memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan dalam pernyataan tadi kerana ia merupakan suatu sumbangan kebajikan berbentuk wang yang disalurkan ke dalam dana dan kumpulan wang simpanan tertentu dengan niat untuk membantu peserta dana tersebut yang ditimpa musibah.¹³ Justeru, prinsip inilah yang dijadikan asas dalam mewujudkan instrumen insurans yang berlandaskan Islam yang dikenali sebagai takaful.

Produk Takaful Berasaskan Model Wakalah

¹¹ *Ibid.*, h. 90.

¹² Syaikh Jalal al-Din al-Mahalli (t.t.), *Kanz al-Raghibin ma'a Hasyiyatan al-Qulyubi wa al-'Umayrah*. J. 2. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah, h. 283.

¹³ *Ibid.*, h. 91.

Prinsip syariah yang digunakan dalam model ini ialah al-wakalah dan al-Ujr. Prinsip ini disebutkan secara jelas oleh ulama-ulama silam sebagai contoh :

“Kontrak wakalah adalah kontrak yang harus dari dua pihak iaitu kontrak yang tidak lazim dari pihak pewakil dan pihak wakil, apabila pewakil melucutkan perwakilan wakil tersebut ketika keberadaannya dengan perkataan pewakil tersebut “Aku lucutkan kamu”, atau pewakil itu berkata ketika keberadaan wakil tersebut “Aku angkatkan perwakilan tersebut” atau “Aku batalkan perwakilan tersebut” atau “Aku keluarkan kamu dari perwakilan tersebut”, terlucutlah wakil tersebut dari tugas perwakilan tersebut...”¹⁴

Namun, dalam permasalahan pelaksanaan prinsip wakalah beserta upahan, tidak terdapat perbincangan mengenai perkara berikut dalam kebanyakan kitab-kitab karangan ulama-ulama silam. Walaupun begitu, tiada larangan yang jelas mengenai wakalah beserta upahan menurut kebanyakan ulama-ulama silam.¹⁵ Sebaliknya perkara ini boleh disandarkan kepada prinsip yang kebanyakan daripada ulama-ulama silam telah kemukakan mengenai al-ujr sebagai contoh :

“Dan jika seseorang berkata “Aku minta untuk upah kamu bagi melakukan sesuatu kerja” maka ia dikategorikan sebagai ljarah ‘Ain kerana menyandarkan perkara tersebut kepada orang yang ditujukan perkataan tersebut. Dan menurut satu pendapat, ia termasuk dalam kategori ljarah Dhimmah kerana tujuan perkara tersebut adalah untuk menghasilkan kerja dari pihak orang yang ditujukan perkataan tersebut...”¹⁶

Berdasarkan prinsip-prinsip syariah tersebut maka instrumen takaful berasaskan model Wakalah mempunyai modus operandi seperti berikut :¹⁷

Peserta-peserta akan mencarum sejumlah wang mereka dengan niat Tabarru’ ke dalam tabungan dana yang dikendali dan diuruskan oleh syarikat pengendali takaful untuk melindungi mana-mana peserta jika mereka ditimpa musibah dan kemalangan.

¹⁴ *Ibid.*, h. 568.

¹⁵ *Ibid.*, h. 551-576.

¹⁶ Syaikh Jalal al-Din al-Mahalli (t.t.), *Kanz al-Raghibin ma’a Hasyiyatan al-Qulyubi wa al-Umayrah*. J. 3. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiyyah, h. 103.

¹⁷ Zaharuddin Abd Rahman (2008), *op. cit.*, h. 92.

Syarikat pengendali takaful yang bertindak sebagai wakil pemegang amanah tabungan dana kewangan tersebut akan memobilisasikan wang yang belum didermakan daripada tabungan tersebut dalam pelaburan-pelaburan yang berlandaskan Islam dan berpotensi untuk memberi pulangan yang baik.

Syarikat pengendali takaful tersebut akan mengenakan upah atas pengendalian dan pengurusan tabungan dana tersebut berdasarkan apa yang telah dipersetujui.

Pada satu tempoh tertentu, keuntungan yang diperolehi hasil daripada pelaburan yang telah dibuat akan diagih-agihkan kepada peserta.

Berdasarkan analisis perbandingan modus operandi model takaful ini, didapati instrumen ini adalah merupakan kombinasi dua prinsip syariah iaitu wakalah dan al-ujr tanpa sebarang perubahan struktur kedua-dua prinsip ini. Jadi, boleh dikategorikan prinsip syariah yang diaplikasikan dalam model takaful ini adalah merupakan kombinasi prinsip-prinsip yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama silam tanpa perubahan yang ketara. Selain itu tiada perbezaan pendapat yang ketara antara ulama silam dan ulama semasa dalam mengemukakan perbahasan mengenai prinsip syariah al-wakalah dan al-ujr.

Produk Takaful Berasaskan Model Mudarabah

Model ini menggunakan prinsip syariah al-mudharabah sebagai asas dalam kontrak. Hal ini telah disebut oleh ulama-ulama silam secara jelas sebagai contoh : “Al-qirad dan al-mudarabah dan al-Muqaradah adalah satu proses pemberian harta oleh seseorang kepada seseorang yang lain untuk diperniagakan dan keuntungan tersebut dikongsi diantara kedua mereka...”¹⁸. Justeru, dalam prinsip ini, pembahagian keuntungan adalah merupakan perkara penting dalam pemeteraian kontrak, dan ia telah disebutkan secara jelas oleh ulama-ulama silam :

“Dan disyaratkan keadaan apa yang disyaratkan mengenai keuntungan adalah dimaklumi pembahagian nisbah keuntungan tersebut seperti separuh atau satu pertiga. Dan jika seseorang berkata, “Aku beri modal ini untuk kamu usahakan dan bahawa bagi kamu bahagian atau perkongsian keuntungan” maka batal al-Qirad tersebut, atau “sesungguhnya keuntungan antara aku dan

¹⁸ Syaikh Jalal al-Din al-Mahalli (t.t.), *op. cit.* J. 3. h. 78.

engkau maka menurut pendapat yang paling sahih sah al-Qirad tersebut dan nisbah keuntungan adalah 50 : 50..."¹⁹

Maka dengan prinsip ini diwujudkan satu model takaful iaitu model takaful mudharabah yang mempunyai operasi seperti berikut :²⁰

Peserta-peserta akan mencarumkan sejumlah wang mereka ke dalam tabungan dana yang diurus dan dikendalikan oleh syarikat pengendali takaful dengan niat tabarru' untuk memberi perlindungan sesama mereka sekiranya ada di antara peserta tersebut ditimpa musibah dan kemalangan.

Pada awal penyertaan, peserta akan mengadakan akad perkongsian untung-rugi dengan syarikat pengendali takaful apabila baki wang yang belum didermakan, dimobilisasikan dalam pelaburan-pelaburan yang berlandaskan Islam dan berpotensi untuk menjana keuntungan.

Hasil keuntungan daripada pelaburan tersebut akan dikongsi bersama mengikut nisbah yang telah dipersetujui. Peserta mendapat manfaat perlindungan daripada kemalangan dan musibah serta meperolehi keuntungan hasil daripada pelaburan wang tersebut.

Prinsip al-mudarabah yang dipraktikkan dalam model ini dilihat mempunyai perbezaan dengan prinsip mudarabah berdasarkan pemikiran ulama-ulama silam. Ulama-ulama semasa telah memanjangkan perbincangan mengenai prinsip al-mudarabah dan telah membahagikannya kepada dua bahagian. Pertama prinsip al-mudarabah al-khasah atau al-mudarabah al-fardiyyah, kedua al-Mudarabah al-musytarikah.²¹ Kebanyakan ulama-ulama silam dalam pernyataan mereka hanya membahaskan prinsip al-mudarabah yang hanya melibatkan dua pihak. Ini adalah merupakan konsep asal dan asas mengenai prinsip al-mudarabah. Hal ini dilihat berbeza dengan pelaksanaan prinsip al-mudarabah yang dipraktikkan dalam model takaful ini. Prinsip ini dikenali dalam perbincangan fiqh semasa sebagai al-Mudarabah al-Musytarikah.²²

Terdapat beberapa perbezaan penting antara prinsip al-Mudarabah al-Musytarikah dan al-Mudarabah al-Fardiyyah. Berdasarkan prinsip al-

¹⁹ *Ibid.*, h. 81-82.

²⁰ Zaharuddin Abd Rahman (2008), *op. cit.*, h. 93.

²¹ Prof. Dr. al-Sayyid Hafiz Khalil al-Sakhawi (2004), *al-Bursah fi al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. Daqahliyyah, Mesir : Al-Jami'ah al-Azhar, h. 310-311.

²² *Ibid.*

Mudarabah al-Musytarikah, tiga atau lebih pihak yang terlibat dalam urusan al-Mudarabah. Mereka terdiri daripada pemodal, orang tengah dan pengusaha ataupun berbilang-bilang pemodal ke atas seorang pengusaha. Syarikat pengendali takaful bagi model ini adalah sebagai orang tengah yang dalam kontrak al-mudarabah dan dia turut berhak untuk mendapat bahagian keuntungan.²³

Ulama-ulama semasa telah bersepakat mengenai keharusan penglibatan pihak yang ketiga dalam kontrak al-Mudarabah, tetapi mereka berselisih mengenai status atau hubungan antara pihak ketiga tersebut yang merupakan orang tengah dengan pelanggan yang merupakan pemilik modal. Sebahagian ulama tersebut berpendapat bahawa hubungan antara orang tengah dengan pemilik modal ialah sebagai wakil.²⁴

Dan sebahagian ulama pula berpendapat bahawa hubungan antara orang tengah dan pemilik modal adalah sebagai pengusaha kepadanya dan dalam masa yang sama merupakan pemilik modal yang melaburkan modal tersebut kepada pengusaha yang kedua. Berdasarkan pendapat ini, pengusaha yang telah diamanahkan modal kepadanya untuk dikerjakan harus melaburkan modal tersebut kepada pengusaha yang lain dan dia berhak mendapatkan keuntungan daripada pelaburan tersebut.²⁵

Dan Syaikh Hasan al-Jawahiri dan Syaikh Muhammad Baqir al-Sadr berpendapat hubungan antara orang tengah dan pemilik modal ialah berdasarkan prinsip *ji'alah*. Berdasarkan prinsip ini pemilik modal akan melakukan kontrak *ji'alah* dengan orang tengah bahawa jika orang tengah tersebut melaburkan modalnya dan berjaya mendatangkan keuntungan maka dia akan memperolehi ganjaran tertentu. Berdasarkan kontrak ini juga, ganjaran yang tidak ditentukan secara spesifik dan tidak diketahui ketika memeterai kontrak tersebut adalah harus dan tidak membatalkan kontrak tersebut.²⁶

Salah satu perbezaan besar antara prinsip al-mudarabah al-musytarikah dan al-mudarabah al-fardiyyah ialah dalam pelaksanaan prinsip al-Mudarabah al-fardiyyah tidak terdapat penjamin kepada modal daripada berlaku kerugian,

²³ *Ibid.*, h. 312.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ *Ibid.*, h. 312-313.

sebaliknya dalam pelaksanaan prinsip al-mudarabah al-musytarikah terdapat penjamin.²⁷ Berdasarkan konsep asas prinsip al-mudarabah, tidak diharuskan pengusaha menjamin pulangan modal dan keuntungan kepada pemilik modal. Jika ini berlaku kontrak tersebut terbatal dan tidak sah, ataupun ia menjadi hutang pengusaha kepada pemilik modal yang wajib dibayar dan pemilik modal tidak berhak mendapat sebarang keuntungan melainkan jumlah modalnya sahaja.²⁸ Namun, berdasarkan prinsip al-mudarabah al-musytarikah, terdapat penjamin kepada modal daripada berlaku kerugian. Ini dapat dilakukan melalui beberapa cara. Sekiranya orang tengah seperti syarikat pengendali takaful bagi model ini tidak langsung mengusahakan modal yang telah diberikan kepadanya dia dianggap sebagai pihak yang ketiga yang harus melakukan kontrak jaminan daripada kerugian terhadap modal tersebut kerana dianggap pihak yang asing dan bukan sebagai pengusaha.²⁹ Namun, sekiranya orang tengah tersebut seperti syarikat pengendali takaful bagi model ini turut melibatkan diri mengusahakan modal tersebut, dia tidak dibenarkan menjamin modal tersebut daripada kerugian, tetapi dia boleh meminta pihak lain menjamin modal tersebut.³⁰

Kesimpulannya, prinsip mudarabah yang diaplikasikan dalam takaful model ini mempunyai penambahan dan pengubahsuaian yang ketara berbanding prinsip mudarabah menurut pemikiran ulama-ulama silam. Terdapat elemen tambahan dalam prinsip mudarabah musytarikah yang diaplikasikan dalam model ini iaitu elemen tabarru', elemen jaminan modal dari kerugian oleh pihak ketiga dan pengubahsuaian struktur prinsip mudarabah iaitu kewujudan pihak yang ketiga dalam kontrak tersebut. Jadi, boleh dikategorikan prinsip yang diaplikasikan dalam takaful model ini adalah merupakan aplikasi prinsip yang telah dikemukakan oleh kebanyakan ulama-ulama silam dengan perubahan ketara berbanding apa yang dikemukakan oleh ulama-ulama semasa.

Kesimpulan

Kesimpulan daripada kajian yang dilakukan terhadap produk takaful didapati bahawa prinsip-prinsip Syariah menurut ulama-ulama semasa yang diaplikasikan dalam instrumen tersebut mempunyai perbezaan dengan

²⁷ *Ibid.*, h. 315.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ *Ibid.*, h. 318.

³⁰ *Ibid.*, h. 316-317.

prinsip-prinsip fiqh muamalah yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama silam dalam karya-karya mereka. Prinsip mudarabah yang diaplikasikan dalam model takaful mudharabah mempunyai perubahan yang ketara berbanding prinsip mudarabah menurut pemikiran ulama-ulama silam disebabkan penambahan elemen tabarru', elemen jaminan modal daripada kerugian oleh pihak ketiga dan pengubahsuaian struktur prinsip mudarabah iaitu kewujudan pihak yang ketiga dalam kontrak tersebut. Bagi produk takaful yang berasaskan model wakalah didapati instrumen ini adalah merupakan kombinasi dua prinsip iaitu wakalah serta al-ujr tanpa sebarang perubahan struktur bagi kedua-dua prinsip ini. Jadi, boleh dikategorikan prinsip yang diaplikasikan dalam model takaful adalah merupakan kombinasi prinsip-prinsip yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama silam tanpa perubahan yang ketara. Walaupun begitu, ia dilihat tetap berbeza kerana proses pengkombinasian yang berlaku tidak disebutkan secara nyata oleh ulama-ulama silam.

Rujukan

- Ab. Mumin bin Ab. Ghani (1999), Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Bujairimi, Sulayman (1950), Hasyiyah al-Bujairimi NaÉ al-Manhaj. Kaherah : Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabl.
- Al-Haytaml, Muáammad bin Almad Ibn Hajar (2001), Tuhfah al-Muhtaj. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Mahalli, Jalal al-Din (t.t.), Kanz al-Raghibin ma'a Hasyiyatan al-Qulyubi wa al-Umayrah. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Almad (1984), Nihayah al-Muhtaj ma'a Hasyiyah al-Syubramulusi wa Hasyiyah Rasyidi. Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Syafi'i, Muáammad bin Idris (t.t.), al-Um. Beirut : Dar al-Fikr.
- Al-Syarbini, Syams al-Din Muáammad al-Khatib (2006), Mughni al-Muhtaj. Kaherah : Dar al-Hadith.
- Ahmad Mazlan Zulkifli et al, (2012), Amalan Asas Takaful Tahap Permulaan Untuk Pengamal. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Asmak Ab. Rahman (2008), Sistem Takaful di Malaysia : Isu-Isu Kontemporari. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Azman Mohd Nor, Takaful: Analisis Atas Konsep Dan Akad dalam Prosiding Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam 2008-2009. CERT
- Ibn `Abidin, Muhammad Amin ibn `Umar (1979), Hashiyat Radd al-Mukhtar `ala al-Durr al-Mukhtar. Beirut : Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi (1983), al-Mughni. Beirut : Dar al-Fikr.
- Jalal al-Din al-Mahalli (t.t.), Kanz al-Raghibin ma'a Hasyiyatan al-Qulyubi wa al-Umayrah. J. 2. Kaherah : Al-Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Mohd. Ma'sum Billah (2003), Islamic Insurance (Takaful). Petaling Jaya : Ilmiah Publishers.
- Sayyid Hafiz Khalil al-Sakhawi (2004), al-Bursah fi al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir. Daqahliyyah, Mesir : Al-Jami'ah al-Azhar.

Sudin Haron (2007), Sistem Kewangan dan Perbankan Islam. Kuala Lumpur : Kuala Lumpur Business School Sdn. Bhd.

Suruhanjaya Sekuriti (2006), Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. C. 2. Kuala Lumpur : Suruhanjaya Sekuriti.

Wahbah al-Zuhayli (2006), Al-Mu'amalat Al-Maliyyah al-Mu'asarah. Beirut : Dar al-Fikr.

Zaharuddin Abd Rahman (2008), Wang, Anda dan Islam. Selangor : True Wealth Sdn. Bhd.